



Kuala Lumpur

Perjuangan negara menentang pandemik Covid-19 sejak lebih dua tahun lalu telah menyerlahkan kebersamaan Keluarga Malaysia yang pelbagai kaum dan kepercayaan menempuh cabaran besar itu, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, masyarakat Malaysia tidak terkecuali warga Kementerian Kesihatan (KKM) telah menunjukkan semangat Teguh Bersama ketika negara diuji dengan pandemik Covid-19 sebaik sahaja virus itu dikesan di negara ini pada awal 2020.

"Kesungguhan, ketabahan serta bakti warga KKM bersama pelbagai agensi lain dan penerimaan baik rakyat (kepada pelbagai inisiatif KKM) membuahkan kejayaan buat negara untuk terus mengawal wabak Covid-19.

"Semangat Teguh Bersama antara faktor kejayaan negara (berhadapan Covid-19) menerusi kepatuhan dan penerimaan pelbagai inisiatif yang diperkenalkan kerajaan sehingga negara berada dalam Fasa Peralihan ke Endemik kini dan membolehkan perbarisan Hari Kebangsaan 2022 dapat diadakan semula di Dataran Merdeka pada 31 Ogos ini," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, KKM menghargai sokongan padu rakyat Malaysia terhadap saranan, program dan inisiatif kesihatan awam yang diperkenalkan dan sikap dan komitmen rakyat itu disifatkannya sebagai satu bentuk kepatuhan kepada Rukun Negara dan semangat patriotisme yang tinggi ter-



ORANG ramai memakai pelitup muka tidak melepaskan peluang pada hari minggu untuk melihat perarakan Pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada raptai sempena sambutan Hari Kebangsaan 2022 di Dataran Merdeka.

Teguh Bersama melawan pandemik

(30 AGUST 2022) Metro, PG

KKM hargai kebersamaan Keluarga Malaysia terhadap saranan dan komitmen dalam usaha membendung penularan Covid-19

hadap negara.

"Selamat menyambut Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini. Semoga semua pihak kekal Teguh Bersama sebagai satu Keluarga Malaysia. Terus istiqamah menjaga diri, keluarga dan masyarakat sekeliling daripada bahaya jangkitan Covid-19, demam denggi dan penyakit lain berjangkit serta amalkan gaya hidup sihat bagi mengawal

penyakit tidak berjangkit.

"Untuk warga kerja KKM dan petugas kesihatan lain serta sukarelawan, tidak kira di mana jua anda menabur bakti secara ikhlas, terima kasih diucapkan kepada semua wira dan wirawati negara ini yang setia menjalankan tugas selaku pasukan barisan hadapan dan juga pasukan di belakang tabir demi mengawal pande-

mik Covid-19," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pasukan petugas kesihatan adalah antara 'pejuang negara' dalam memberi vaksin Covid-19 dan merawat pesakit Covid-19 yang memerlukan bantuan perubahan di pelbagai fasiliti kesihatan kerajaan, swasta, universiti mahupun badan bukan kerajaan di seluruh negara.

Beliau turut mengajak ra-

kyat Malaysia mendoakan agar situasi pandemik Covid-19 di Malaysia kekal stabil dan bertambah baik.

Peranan Dr Noor Hisham dalam mengawal pandemik Covid-19 diiktiraf Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada September 2020 yang menyifatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai sistem kesihatan yang kuat serta mempunyai

asas kukuh dalam menangani pandemik itu.

Kes pertama Covid-19 di Malaysia disahkan pada 25 Januari 2020 sehingga menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac tahun sama. Negara melalui pelbagai fasa perintah kawalan sebelum rentas negeri dibenarkan pada Oktober 2021 dan sempadan negara dibuka pada 1 April.

Bagi sambutan Hari Kebangsaan 2022 kali ini, Dr Noor Hisham menasihatkan orang ramai supaya meneruskan pemakaian pelitup muka di tempat sesak walaupun ia tidak diwajibkan di tempat terbuka.

Dr Noor Hisham berkata, langkah itu bertujuan mengurangkan risiko jangkitan dalam keadaan penjarakan fizikal yang sukar dikekalkan.

Beliau turut menasihatkan orang ramai agar melakukan penilaian risiko sendiri Covid-19 dan sekiranya bergejala sebaiknya mengasingkan diri walaupun keputusan ujian sendiri Covid-19 menunjukkan negatif.

"Mungkin (Covid-19) belum dapat dikesan (alat) ujian sendiri pada peringkat awal. Pengasingan sendiri akan mengelakkan penyebaran penyakit saluran pernafasan yang lain seperti influenza," katanya.

Dr Noor Hisham juga berterima kasih dan teruja dengan sokongan padu diberikan rakyat terhadap Pindaan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 serta sasaran KKM untuk melahirkan generasi penamat (GEG) bagi merokok menjelang 2040.